

1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Ogos/ Sept
2024
2 $\frac{1}{2}$ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2024

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا
تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran : 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang konsep sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunnatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sebab Allah SWT membinasakan umat terdahulu. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ :
سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ : الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ
رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ،
وَرَجُلٌ طَلَبْتَهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ فَقَالَ : إِيَّيْ أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى
حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ

(متفق عليه)

Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT di akhirat kelak.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Senaraikan **dua** golongan tersebut selain daripada menyembunyikan sedekah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sedekah dalam kehidupan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT



- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mengaplikasikan amalan di atas dalam kehidupan seharian? [4 markah]
- (c) Nyatakan jenis Mad Lazim bagi potongan ayat al-Quran di bawah. [2 markah]
- (i) وَلَا الضَّالِّينَ
- (ii) عَسَقَ
- 2 (a) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terpengaruh dengan ajaran sesat.
- (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadah. [2 markah]
- (iii) Terangkan kesan melakukan ajaran sesat. [2 markah]
- Ajaran sesat memusnahkan perpaduan dalam masyarakat.
- (iv) Kemukakan hujah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) Aliran Syiah, Khawarij dan Muktazilah adalah aliran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah.
- (i) Nyatakan sejarah kemunculan Khawarij. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip Khawarij. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan pandangan antara Ahli Sunnah wal Jamaah dengan Khawarij berkaitan isu :
- a. Pelaku dosa besar. [2 markah]
- b. Kedudukan iman. [2 markah]

3. (a) Pemilikan harta melalui akad yang sah merupakan antara matlamat pensyariaan muamalat Islam.
- (i) Apakah maksud akad? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** rukun akad dalam muamalat Islam. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. [2 markah]



Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Sinar Harian, 12 Oktober, 2023.

- (iv) Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah situasi tersebut berlaku? Huraikan hujah anda. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud iddah? [2 markah]
- (ii) Nyatakan hukum bagi situasi berikut :
- a. Aminah telah menerima pinangan Adam setelah sebulan diceraikan dengan talak satu oleh Omar. [1 markah]
- b. Salmah berhias diri selepas diceraikan talak satu oleh suaminya. [1 markah]
- (c) Takzir merupakan salah satu daripada hukuman jenayah dalam Islam.
- (i) Nyatakan **dua** contoh hukuman takzir. [2 markah]

BANTERAS JENAYAH NEGARA SEJAHTERA

- (ii) Kemukakan hujah anda untuk merealisasikan pernyataan di atas. [4 markah]

- 4 (a) Kerajaan Umayyah wujud selepas pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin berakhir.
- (i) Senaraikan **dua** khalifah yang terkenal dalam kerajaan Umayyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek politik. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- (b) (i) Nyatakan riwayat hidup Profesor Ahmad bin Ibrahim. [4 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** hasil karya Profesor Ahmad bin Ibrahim. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** iktibar yang dapat diambil daripada ketokohan peribadinya. [4 markah]
- 5 (a) Konsep wasatiyyah hendaklah difahami dalam usaha untuk membentuk sebuah negara yang maju dan harmoni.
- (i) Nyatakan maksud wasatiyyah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** hikmah melaksanakan wasatiyyah terhadap masyarakat. [4 markah]



Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian, 3 Mac, 2018.

- (iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, bagaimanakah anda menerapkan perkara tersebut dalam kehidupan seharian? Huraikan. [4 markah]
- (b) Sifat istiqamah akan membentuk insan yang teguh pendiriannya dalam mempertahankan kebenaran.
- (i) Nyatakan maksud istiqamah. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** contoh sifat istiqamah yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [4 markah]

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

- (iii) Sebagai seorang pelajar, kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas dengan mengaitkannya dengan konsep istiqamah. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

